



PENGHARGAAN: Madius (tiga dari kini) menerima cendera kenangan daripada Marcus (dua dari kiri).

Kerajaan negeri, UMS bekerjasama terokai teknologi digital

UB 30.8.2019 A2

Oleh John Tambanan

KOTAKINABALU: Kerajaan negeri sedang mengkaji bagaimana menggunakan dan memanfaatkan teknologi digital dengan sebaik mungkin bagi melahirkan satu penghasilan baharu untuk kerajaan.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau berkata, antara kajian yang sedang dilakukan ialah bagaimana menggunakan teknologi digital untuk membuat satu platform baharu bagi memantau nilai-nilai alam sekitar yang ada.

“Sepertimana yang kita tahu, Sabah kaya dengan kepelbagaian bayu, nilainya yang kita nampak hanya dalam eko-pelancongan di mana orang datang dan melihatnya.

“Ramai pelancong datang melihatnya. Kita mencari jalan bagaimana kita bawa ke tahap selanjutnya untuk memastikan kepelbagaian serta konsep yang ada dapat kita pantau,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Kali Keenam mengenai Sains dan Teknologi Pengkomputeran 2019 di sebuah hotel di sini semalam.

Madius yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata beliau telah memaklumkan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) bahawa kerajaan negeri berminat untuk bekerjasama dengan UMS bagi melihat bagaimana sistem penyampaian kerajaan negeri dapat menerokai teknologi digital.

“Selain untuk menyediakan dan melatih bakat, bakat saya maskudkan termasuk dalam perkhidmatan awam, bagaimana kita dapat mentransformasi mereka supaya mereka dapat mentransformasi diri mereka sendiri ke dalam teknologi digital.

“Sudah tentu dalam kementerian, bahagian lain

yang kita cari adalah untuk memacu industri ke dalam teknologi digital,” katanya.

Dalam pada itu, Madius berkata persidangan itu dianjurkan untuk memenuhi keperluan tempatan yang memberi tumpuan kepada peningkatan kesedaran tempatan mengenai industri 4.0 dan juga untuk menyokong perkongsian pengetahuan dalam sains dan teknologi pengkomputeran.

Katanya, persidangan itu sangat penting bagi Sabah kerana pada tahun ini UMS sudah memulakan satu kursus untuk pelajar mengambil data sains.

“Data sains adalah satu bidang yang amat penting untuk megharungi industri 4.0,” katanya.

Turut hadir ialah Penolong Naib Canselor UMS Prof Dr Marcus Jiponi, Dekan Fakulti Pengkomputeran dan Maklumat UMS Prof Dr Abdullah Gani dan Pengerusi Penganjur Persidangan Prof Madya Dr Rayner Alfred.